

25/08/2002

Hanya syaitan perlu menipu

Syed Akbar Ali

MAHA Suci Allah dan Rasul-Nya mengingatkan kita mengenai musuh nyata yang akan memerangi setiap Nabi dengan menggunakan perkataan yang indah tetapi palsu untuk menyesatkan manusia.

"Dan demikianlah kami jadikan bagi setiap Nabi musuh (daripada) syaitan-syaitan manusia dan jin yang membisikkan sebahagian daripada mereka kepada sebahagian yang lain perkataan perkataan palsu yang indah. Jika Tuhan kamu menghendaki mereka tidak akan mengerjakannya, maka tinggalkanlah mereka dan apa yang mereka mengada-adakan". - Surah 6: 112.

Begitu juga dalam zaman kita sudah ada syaitan daripada golongan manusia yang berani berkata bahawa Tuhan adalah penipu, sombong, samseng dan mencarut. Tetapi sambil mereka merancang untuk memburukkan nama Allah dengan penipuan mereka, Maha Suci Allah yang tahu lebih awal lagi akan rancangan mereka sudah pun membuat rancangan sendiri untuk mendedahkan penipuan mereka.

Maka apabila puak ini merujuk ayat al-Quran tertentu untuk menegakkan penipuan kononnya Tuhan kita adalah penipu, kebodohan mereka menjadi nyata kerana perkataan arab "khaddab" yang maksudnya penipu langsung tidak terdapat pada ayat yang mereka rujuk untuk melemparkan tuduhan penipu terhadap Maha Suci Allah.

Dalam Surah 3: 54, Maha Suci Allah berfirman, bermaksud bahawa Dia lebih handal merancang sesuatu (khairu maakiriin) yang boleh mengatasi perancangan (makaru) orang-orang kafir.

Perkataan arab "makaru" maksudnya merancang manakala menipu adalah maksud bagi perkataan arab "khaddab" yang tidak disebut sekali pun dalam al-Quran sebagai perbuatan Allah.

Kita akan jelas memahami maksud ayat ini jika kita melihat terjemahan bahasa Inggeris oleh Abdullah Yusuf Ali yang maksudnya: "And (they) planned, and Allah too planned, and the best of planners is Allah" (Wa makaruu wa makarallaahu wallaahu khairul maakiriin).

Syaitan daripada kalangan manusia boleh merancang sesuatu (makaruu) tetapi Allah juga boleh merancang sesuatu (makarallaah) dan Allah lebih handal membuat rancangan (wallahu khairul maakiriin). Misalnya Allah telah membutakan mata mereka terhadap perkataan 'makaru' atau merancang ini yang disebut banyak kali dalam Al Quran. Contohnya lagi adalah seperti dalam ayat berikut:

"Patutkah mereka (bersukaria) sehingga mereka merasa aman akan rancangan yang diatur oleh Allah (makrallaah)? Kerana sebenarnya tidak ada yang merasa aman dari rancangan yang diatur oleh Allah itu (makrallaahi) melainkan orang-orang yang rugi" - Surah 7:99

Sekali lagi terjemahan bahasa Inggeris oleh Abdullah Yusuf Ali adalah seperti berikut: "Did they then feel secure against the Plan of Allah.- but no one can feel secure from the Plan of Allah, except those (doomed) to ruin!" - Surah 7: 99

MH Shakir seorang lagi penterjemah al-Quran juga menggunakan perkataan "plan" atau merancang. Maksudnya Tuhan kita amat bijaksana mengatur rancangan-Nya. Maha Suci Allah tidak perlu untuk menipu. Ini adalah kerana Allah hanya bercakap benar dan tidak pernah bercakap bohong.

"Qaala: falhaqqu walhaqqu aquulu" yang maksudnya; "Berkata (Allah): Maka yang benar dan yang benar Aku katakan" Surah 38: 84. Allah hanya bercakap benar. Tuhan kita tidak pernah menipu atau perlu untuk menipu untuk menegakkan kebenaran. Allah bercakap benar kerana hanya kebenaran boleh

mematahkan penipuan. Ajaran Allah ini amat jelas:

"Dan katakanlah, "Telah datang kebenaran dan telah lenyap kebatilan, sesungguhnya kebatilan pasti akan lenyap" - Surah 17:81

Penipuan bukan kebenaran. Penipuan tidak boleh melenyapkan kebatilan. Hanya kebenaran boleh melenyapkan kebatilan. Maka Allah selalu bercakap benar (walhaqqu aquulu) untuk melenyapkan kebatilan.

Sebagai contohnya seorang daripada ahli puak ini telah membuat tuduhan yang kotor dan lucu terhadap Perdana Menteri dan keluarganya.

Tetapi cara yang baik untuk mematahkan tuduhan orang itu adalah dengan memanggilnya dan membuat siasatan polis yang lengkap tentang tuduhan itu supaya fakta yang benar akan muncul. Seperti mana dinyatakan dalam ayat al-Quran itu, kita melawan penipuan dengan kebenaran kerana kebenaran selalu akan tewaskan penipuan.

Maha Suci Allah tidak perlu menipu sesiapa pun untuk menegakkan kebenaran. Tetapi puak syaitan daripada kalangan manusia yang menjadi musuh Nabi menuduh Allah sebagai penipu. Mereka cuba menghina Islam dan berjaya memburukkan imej Islam pada pandangan dunia terutama sekali di kalangan bukan Islam yang sekarang ini ketawakan gelagat kaum bodoh ini yang kononnya mengaku Islam tetapi menuduh Tuhan mereka sendiri sebagai penipu, samseng, sombong dan mencarut. Orang bodoh seperti ini ingin menjemput orang lain mendekati agama mereka dengan berdakwah bahawa tuhan mereka adalah penipu, sombong dan samseng.

Rancangan mereka untuk menuduh Allah sebagai penipu gagal kerana mereka tersilap merujuk ayat Quran. Sepertimana Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamed telah berkata mereka tidak fahami maksud al-Quran. Mereka menjadi musuh kepada Nabi kerana mereka menolak ajaran al-Quran dengan terang dan nyata. Rancangan mereka memang tidak akan berjaya kerana Maha Suci Allah telah berjanji: "Katakanlah: "Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan penipuan (kaadhiba) terhadap Allah, tidak akan berjaya". - Surah 10:69.

Usaha mereka untuk menipu manusia bahawa Tuhan adalah penipu langsung tidak akan berjaya. Puak ini hanya disokong oleh puak lain yang tidak cukup oksigen mengalir ke dalam otak.

Begitu juga puak ini memberi tafsiran lintang pukang kepada ayat Quran untuk menuduh Tuhan kita sebagai samseng pula. Samseng mengikut kamus bahasa Melayu membawa maksud seorang penjahat. Kamus dwi bahasa memberi maksud 'rowdy', 'hooligan' dan 'bully' kepada perkataan samseng. Jadi mengikut puak yang menjadi musuh Nabi ini Tuhan kita adalah seorang penjahat, "hooligan" dan buli semua sekali.

Samseng itu adalah penjahat yang menzalimi orang tanpa hak atau sebab yang sah. Tuhan kita tidak pernah menzalimi sesiapa pun. Samseng itu adalah penjahat yang mencabul hak orang dengan tidak adil. Tuhan kita tidak pernah mencabul hak sesiapa pun dan tidak pernah berlaku tidak adil kepada sesiapa pun. Samseng itu boleh menipu tetapi Tuhan kita tidak pernah menipu.

"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu, supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya" -Surah 16:90

Ini bermaksud bahawa kita tidak boleh menzalimi orang zalim pun. Kita tidak boleh menzalimi orang samseng pun. Allah menyuruh kita berlaku adil. Begitu juga pada Hari Akhir esok apabila orang zalim dan orang samseng berdiri di depan Allah untuk dijatuhkan hukuman, Allah akan berlaku adil terhadap mereka kerana Dialah Al Jabbar dan Al Mutakabbir.

Tetapi yang menjadi lagi pelik ialah perbuatan mereka menggelar Tuhan sebagai samseng adalah lanjutan daripada tafsiran mereka sendiri terhadap satu lagi perkataan Melayu 'sombong' yang juga telah disalah tafsirkan oleh mereka.

Dari segi bahasa Melayu pun, macam mana pula mereka boleh mentafsirkan perkataan `sombong' bertukar menjadi samseng? Apakah semua manusia yang sombong itu terus menjadi samseng?

Sila perhatikan ayat al-Quran yang berikut yang cukup lembut bahasanya yang senaraikan sebahagian daripada Asmaul Husna ataupun nama-nama Allah yang indah. Semoga pembaca yang budiman akan menghafal maksud ayat ini:

"Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia, Yang Menguasai (Al Malik), Yang Maha Suci (Al Kuddus) Yang Maha Selamat Sejahtera (Al Salam) Yang Melimpahkan Keamanan (Al Mukmin) Yang Maha Pengawal serta Pengawas (Al Muhaimin) Yang Maha Kuasa (Al Aziz) Yang Maha Kuat (Al Jabbar) Yang Melengkapi segala Kebesaran-Nya (Al Mutakabbir). Maha Suci Allah dari segala yang mereka sekutukan dengan-Nya.

Dialah Allah, Yang Menciptakan (Al Khalik) Yang Mengadakan (Al Bari) Yang Membentuk (Al Musawwir) bagi-Nyalah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya (Asmaul Husna) bertasbih kepada-Nya segala yang ada di langit dan di bumi dan Dialah Yang tidak ada tolok banding-Nya (Al Aziz), lagi Maha Bijaksana (Al Hakim)." - Surah 59: 23- 24

Inilah sebahagian daripada Asmaul Husna atau nama-nama Allah yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya. Tetapi orang yang tidak faham pula berkata bahawa Al Jabbar yang maksudnya yang maha kuat dan Al Mutakabbir yang maksudnya ialah yang melengkapi segala kebesarannya boleh ditafsirkan bahawa Tuhan adalah sombong dan samseng.

Ini bermaksud bahawa apabila puak ini seru kepada tuhan mereka, mereka boleh berkata, "Ya tuhanku yang samseng, ya tuhanku yang sombong, ya tuhanku yang penipu, ya tuhanku yang mencarut" dan sebagainya.

Memang pun inilah agama mereka yang sebenarnya kerana dalam negara kita sekarang ini merekalah dalam kategori orang bodoh, sombong, ganas dan dungu. Pedoman mereka membenarkan mereka menyelak kain, bercakap kotor, mencarut, memaki hamun, memfitnah, mengganas, menipu dan memberi gelaran penipu, samseng dan sombong kepada Maha Suci Allah, Tuhan sekalian alam. Kenyataan mereka memalukan umat Melayu Islam dan cuba menghina Islam sebagai suatu agama yang kolot.

Kepada pembaca yang budiman, ingatlah seruan Allah dan Rasul-Nya kepada umat manusia:

"Dan demikianlah kami jadikan bagi setiap Nabi musuh (daripada) syaitan-syaitan manusia dan jin yang membisikkan sebahagian daripada mereka kepada sebahagian yang lain perkataan perkataan palsu yang indah. Jika Tuhan kamu menghendaki mereka tidak akan mengerjakannya, maka tinggalkanlah mereka dan apa yang mereka mengada-adakan". - Surah 6: 112

Setiap zaman dan waktu pasti ada golongan yang akan cuba untuk memadamkan ajaran Islam dan ajaran Nabi dengan kata-kata indah tetapi palsu. Kita perlu awasi mereka dan kita perlu tinggalkan mereka dan apa yang mereka mengada-adakan. Memberi sokongan kepada mereka bukan saja memperbodohkan kita tetapi bakal menjemput bala bencana daripada kemurkaan Maha Suci Allah.